

Generasi baru Melayu tidak dipinggirkan

— Khairy Jamaluddin

MARAN 2 Okt. — Pergerakan Pemuda UMNO memberi jaminan generasi baru Melayu tidak dipinggirkan, malah akan sentiasa didampingi agar bersama menjayakan agenda nasional menjelang 2020.

Naib Ketuaanya, Khairy Jamaluddin berkata, komitmen dan pendekatan Pemuda UMNO ialah untuk memperkasakan generasi Melayu melalui aktiviti yang boleh membentuk semangat jati diri sambil memiliki modal insan unggul.

“Tanda aras kemajuan bangsa khususnya Melayu pada 15 tahun akan datang banyak bergantung kepada usaha pemimpin hari ini mengatur strategi pembangunan minda, pendidikan, sosial dan ekonomi rakyat.

“Tahap pendidikan generasi Melayu 2020 harus setanding dengan kemajuan negara, malah kekuatan jiwa menghadapi cabaran global mantap dan berkesan,” katanya.

Khairy berkata demikian ketika berucap pada majlis Ehsan Ramadan dan berbuka puasa anjuran Pemuda UMNO, di sini semalam.

Katanya, hasrat murni Pemuda UMNO adalah untuk membantu generasi Melayu hari ini agar tidak lalai dengan hiburan dan aktiviti yang menjejaskan

tumpuan untuk memperbaiki kualiti diri.

“Sebagai contoh pendekatan Putera UMNO mendampingi ‘mat rempit’ untuk dibimbing patut dipuji kerana secara langsung memberi isyarat bahawa golongan mereka tidak diabaikan,” katanya.

Khairy menambah, program Ehsan Ramadan yang diadakan di seluruh negara sepanjang bulan mulia ini merupakan usaha Pemuda UMNO mendampingi rakyat pelbagai golongan di peringkat akar umbi.

Menurutnya, pada majlis seumpama ini, Pemuda UMNO akan menghulur bantuan kewangan kepada golongan kurang upaya, anak yatim, pentadbiran masjid, Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK) dan lain-lain untuk persiapan menyambut hari raya.

Tambah beliau, bantuan kewangan seperti itu membuktikan Pemuda UMNO amat peka dan prihatin dengan kesulitan yang dihadapi oleh rakyat khususnya Orang Kurang Upaya (OKU) dan sebagainya.

“Justeru, Pemuda UMNO mahu korporat dan swasta turut bersama menghulurkan sumbangan dan khidmat sosial kepada golongan miskin, OKU, anak yatim bagi meringankan beban mereka,” katanya.